

14/02/2002

Sheikh Muhammad Hisham nafi 'dibeli'

Jamhariah Jaafar; Rosniza Mohd Taha
KUALA LUMPUR, Rabu - Pengerusi Majlis Tertinggi Islam di Amerika Syarikat, Sheikh Muhammad Hisham Kabbani, menafikan dakwaan bahawa beliau 'dibeli' untuk membuat kenyataan mengenai seorang bekas pemimpin negara membantu pertubuhan Islam di Amerika Syarikat, termasuk menyalurkan dana berjumlah AS\$10 juta (RM38 juta).

Beliau menegaskan, pemimpin berkenaan ketika mempunyai kedudukan dalam Kabinet memang menyalurkan dana berkenaan kepada sebuah pertubuhan iaitu Masyarakat Islam Amerika Utara (Isna) dan sepatutnya digunakan untuk menubuhkan sebuah institusi pendidikan yang bertujuan mengembangkan tamadun Islam.

"Saya tidak menuduh sesiapa dan kami juga tidak mengetahui apa niatnya. Apa yang terjadi kepada duit itu, bagaimana ia digunakan juga kami tidak tahu," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Sheikh Muhammad Hisham enggan membenarkan nama pemimpin berkenaan disiarkan, tetapi menegaskan pemimpin berkenaan memang mempunyai hubungan yang baik dengan pertubuhan Islam terbabit, malahan hubungan baik itu berterusan sehingga sekarang.

Menjawab soalan, beliau memang tidak setuju dengan beberapa tindakan Isna terutama dengan tindakan mereka 'memalukan' Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apabila menarik balik jemputan untuk memberi ceramah di satu konvensyen anjuran pertubuhan itu tiga tahun lalu.

Beliau turut melahirkan rasa kesal kerana pertubuhan itu turut menyebarkan surat terbuka kepada Dr Mahathir berikutan kejadian yang menimpa bekas timbalan perdana menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya bertanya apa tujuan mereka menulis surat berkenaan dan menggunakan pemimpin Islam negara lain termasuk dari Pakistan. Kami terkejut dengan jemputan Isna kepada Perdana Menteri, tetapi tidak terkejut apabila mereka menarik balik jemputan itu dua hari sebelum majlis itu diadakan," katanya.

Disebabkan perkara itu juga katanya, nama Malaysia turut dikaitkan dengan peristiwa yang menimpa Amerika Syarikat pada 11 September lalu, selepas kerajaan Amerika Syarikat menyiasat siapa menerima derma berjumlah AS\$21 juta yang disalurkan oleh beberapa pertubuhan Islam di republik itu kepada beberapa negara termasuk Malaysia.

"Kegiatan pertubuhan seperti Isna ketika itu tidak dikaitkan dengan ekstremisme, mungkin ketika dana itu diberi kepada persatuan di AS adalah untuk memajukan Islam. Tetapi selepas kejadian 911 (serangan pengganas terhadap Amerika pada 11 September) pertubuhan itu dikaitkan dengan keganasan, kerana itu nama Malaysia juga muncul kerana ada pemimpin yang memberi bantuan terhadap mereka beberapa tahun lalu," katanya.

Menjawab soalan lain, Sheikh Muhammad Hisham menegaskan bahawa beliau tidak perlu gentar untuk bercerita mengenai perkara sebenarnya kerana ia sekadar menjawab soalan pemberita.

Tegasnya, beliau tidak diminta oleh sesiapa apa lagi kerajaan untuk mendedahkan perkara sebenarnya, sebaliknya melahirkan rasa kesal kerana ramai yang mengkritik kerajaan di bawah pentadbiran Dr Mahathir sedangkan ia telah melakukan yang terbaik untuk umat Islam negara ini.

"Saya tidak pernah berjumpa Perdana Menteri, Dr Mahathir. Saya datang ke sini sebab saya sukakan negara ini, kerana ia adalah negara Islam. Saya percaya Malaysia adalah teladan baik untuk umat Islam di seluruh dunia.

"Ia mempunyai tamadun yang tinggi dalam semua bidang terutama teknologi dan pendidikan, malahan kejayaannya itu membolehkan ia mendirikan bangunan

canggih seperti Menara Berkembar (Petronas).

"Saya bukan cuba untuk memberi imej yang baik untuk Perdana Menteri awak, tapi saya menyatakan perkara yang benar. Saya tidak bersembunyi di sebalik jubah saya dengan mengatakan saya adalah PR (pegawai perhubungan awam untuk Malaysia). Kenapa anda tidak mahu saya menyokong Dr Mahathir? Mengapa anda mesti menegaskan apa yang orang lain fikir? Saya di sini menyokong kebenaran, anda tidak mahu saya memberitahu perkara yang benar?," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir kini adalah pemimpin contoh terbaik bagi mana-mana negara Islam dan sistem demokrasi negara ini membuktikan Dr Mahathir masih diperlukan oleh Malaysia, walaupun ramai yang mengkritik bahawa beliau sudah terlalu lama memerintah.

"Kalau dia tidak melakukan perkara yang baik, dia tidak akan ada kerajaan ini. Mengapa dia masih memiliki kerajaan ini, kerana dia telah melakukan yang terbaik untuk Malaysia.

"Di bawah pemerintahannya, Malaysia tidak pernah dilanda kesusahan (serius). Dia telah berada dalam kerajaan ini selama 20 tahun, dia telah berjaya menangani hampir semua masalah, termasuk krisis kewangan yang serius.

"Malaysia terus maju dan terus mempunyai wang yang banyak dan kita tidak pernah melihat negara ini pergi meminta sedekah seperti negara lain, mereka tidak pernah meminta bantuan Barat.

"Malaysia (di bawah pemerintahan Dr Mahathir) terus berdiri teguh dan penuh bermaruah. Jika ada orang terutama dari dalam negara ini sendiri ingin mencemuh Dr Mahathir, itu adalah masalah dalaman, tapi sebagai orang luar saya melihat Dr Mahathir melakukan kebaikan.

Dia adalah seorang yang hebat, dia adalah hero saya. Saya suka melihat cara dia mengendalikan negara ini, dia amat waras, bijak dan apa yang dilakukan sentiasa memperlihatkan keikhlasannya. Mungkin ada orang tidak suka perkara itu, itu adalah hak mereka," katanya.

(END)